



# Mahmud Wahid

**TOKOH PANGLIPURLARA  
AWANG BATIL /  
AWANG BELANGA PERLIS**

**Bahagian I**

**Susunan: MOKHTAR A.K**

**K**ecenderungan tentang panglipur lara Melayu telah bermula sejak penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20. Hanya beberapa orang pegawai pentadbir Inggeris seperti William Maxell, R. J. Wilkinson, Richard Winstedt dan A. J. Sturrock telah mencatatkan beberapa buah cerita-cerita itu, terdapat satu corak cerita yang dinamakan oleh Winstedt sebagai folk-romances atau cerita roman rakyat. Pada masa ini cerita-cerita itu dinamakan cerita-cerita panglipur lara.

Inisiatif yang dimulakan oleh pegawai-pegawai pentadbir Inggeris itu tidak pula menampakkan berterusan dan terhenti beberapa lama. Tetapi apabila perasaan sayangkan kesusasteraan sendiri timbul semula akibat daripada perubahan politik di negara sendiri, maka usaha ke arah mengkaji cerita-cerita panglipur lara yang terpendam itu telah diteruskan semula.

Mengikut penjelasan Mustafa Mohd. Isa dalam kata-kata pendahulunya dalam buku kajiannya 'Awang Belanga Penglipur lara Dari Perlis', keluaran DBP 1987, menjelaskan bahawa, "... dalam tahun 1957, Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan Bahasa dan Sastera, dalam Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur telah menjalankan usaha-usaha yang lebih giat didalam merakam dan mencatatkan cerita penglipur lara yang masih terpendam. Mereka telah menjelajah ke beberapa buah kampung di seluruh Malaysia untuk merakam cerita-cerita rakyat daripada tukang-tukang cerita yang masih hidup. Sehingga tahun 1957 mereka telah berhasil merakam lebih daripada 600 buah cerita-cerita rakyat termasuk cerita-cerita jenis penglipur lara itu..."

Mahmud bin Wahid atau Pak Mahmud dilahirkan di Kampung Gunung, Utan Aji, Perlis pada tahun 1903. Beliau bukanlah keturunan orang Perlis jati kerana bapanya berasal dari Kampung Pulau Pisang, Jitra, Kedah, sementara ibunya pula berasal daerah Setol, Thailand. Keluarga sebelah bapanya terkenal sebagai orang permainan', misalnya datuk kepada Pak Mahmud iaitu Haji Ali terkenal sebagai seorang pemain mahyung di daerah Kedah Utara. Manakala ayah Pak Mahmud sendiri terkenal sebagai seorang pemain mahyung di negeri Perlis. Ini berbeza

pula dengan keturunan disebelah ibunya yang berasal daripada keluarga 'orang alim' di Setol. Misalnya datuk Pak Mahmud disebelah ibunya iaitu Lebai Jamal ialah seorang imam dan guru pondok di Kampung Tanjung Gabus, Setol.

Pak Mahmud, penutur Awang Belanga ini tinggal dikilometer 5.6, Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis. Dia seorang yang berbadan kurus, tinggi dan berkulit hitam manis. Pak Mahmud periang orangnya. Beliau suka berjenaka dengan perbualan, mudah mesra apabila berkenalan dengan sesiapaupun, bersopan-santun dan amat merendah diri terutama apabila bercakap mengenai hal dirinya.

Pak Mahmud terkenal sebagai salah seorang penglipur lara di Perlis, dia juga terkenal sebagai seorang peniup serunai dan menjadi ketua kepada satu kumpulan gendang keeling, Kumpulan Gendang Keeling Pak Mahmud, Chuping, Mata Ayer, Perlis. Kumpulan gendang ini adalah satu-satunya kumpulan gendang keeling yang termasyhur di Perlis pada masa itu. Penglibatannya dalam Awang Belanga dan gendang keeling itu adalah lanjutan daripada kegiatannya didalam berbagai bidang seni tradisional semenjak usianya belasan tahun lagi. Bagi menghargai kegiatannya itu, kerajaan negeri Perlis telah mengurniakan pingat Jasa Bakti (PJB) kepadanya. Kurniaan itu diberi pada bulan Februari Tahun 1974 bersempena dengan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra Raja Perlis.

Mengikut catatan sejarah hidup Pak Mahmud oleh Mustafa Mohd. Isa dalam buku Awang Belanga Penglipur Lara dari Perlis menjelaskan bahawa Bapa Pak Mahmud telah berkahwin dengan ibu Pak Mahmud di Setol ketika beliau dan rombongan mak yung pergi ke Setol untuk menunjukkan permainan mereka. Setelah berkahwin, bapanya telah membawa ibunya pulang tinggal bersama datuk dan neneknya di Kampung Gunung Utan Aji, Perlis. Sesudah berkahwin, bapanya terus juga bermain mahyung apabila datuk Pak Mahmud meninggal dunia dan ia terpaksa menumpukan perhatian bagi menjaga bendang, kebun kelapa, kebun sirih dan kerbau peninggalan datuk Pak Mahmud itu.

Bapa dan ibu Pak Mahmud mendapat tujuh orang anak iaitu Cik Zainab, Cik Dah, Cik Salasiah, Mahmud (Pak Mahmud) dan Hamad. Dua orang adik Pak Mahmud meninggal dunia sewaktu masih bayi lagi. Antara mereka, Pak Mahmud lebih dimanjakan oleh ibu dan bapanya sejak kecil lagi kerana dialah anak lelaki yang pertama dalam keluarga itu. Antara mereka yang seramai lima beradik itu, hanya Pak Mahmud seorang sahaja yang mengikut jejak langkah bapanya itu menjadi 'orang permainan'. Pada masa ini, semua kakak dan adik Pak Mahmud telah meninggal dunia.

Ketika Pak Mahmud berumur 13 tahun, ia masuk belajar di sekolah di kampungnya. Sekolah itu sangat daif kerana ia hanya berbumbung tanpa dinding. Murid-muridnya lebih kurang 70 orang dengan mempunyai empat orang guru. Semua mata pelajaran disampaikan melalui tulisan jawi dan bacaan al Quran adalah diwajibkan. Pak Mahmud belajar setakat darjah dua sahaja. Apabila naik ke darjah tiga, ia lebih banyak ponteng sekolah atau mengikut istilah yang terkenal ketika itu ialah 'sekolah pokok jawi'. Ia tidak suka belajar kerana minatnya lebih banyak tertumpu kepada Jike (satu jenis drama Melayu tradisional Cara persembahannya lebih kurang seperti makyung juga) yang pada masa itu sedang bermain dikampungnya. Walaupun mendapat pendidikan setakat itu sahaja, tetapi Pak Mahmud pandai menulis dan membaca jawi. Dia juga pandai bertutur bahasa siam yang dipelajarinya daripada keluarganya di Setol.

Mengikut catatan Mustafa Mohd. Isa, Pak Mahmud telah berkahwin sebanyak tiga kali. Pertama, sewaktu berumur 22 tahun ia berkahwin dengan Cik Tijah, seorang janda muda dari Setol yang tertarik hati melihat kepandaiannya mempersembahkan Awang Belanga. Hasil daripada perkahwinannya itu mereka telah dikurniakan seorang anak lelaki. Tetapi perkahwinan itu berakhir dengan perceraian kerana isterinya tidak suka selalu ditinggalkan keseorangan ketika Pak Mahmud keluar menunjukkan Awang Belanga. Manakala Pak Mahmud pula lebih rela bercerai dengan isteri dan anaknya daripada bercerai dengan Awang Belanga.

Kali kedua, Pak Mahmud berkahwin dengan Cik Saadiah,

sepupunya sendiri. Cik Saadiah juga seorang janda muda. Hasil perkahwinan itu mereka mendapat dua orang anak perempuan, Rahmah dan adiknya Sinah. Tetapi perkahwinannya itu juga berakhir dengan perceraian. Mengikut pengakuan Pak Mahmud, ketika itu ia terlampau asyik bermain makyung dengan kumpulan Makyung Bukit Payung di Padang Terap, Kedah sehingga ia lupa akan tanggungjawabnya terhadap isteri dan anak-anaknya. Anak-anaknya kini dipelihara oleh bekas isterinya. Meskipun ia kehilangan isteri dan anak-anaknya, namun ia masih tetap bergembira kerana ia tidak kehilangan peluang untuk berkecimpung dalam bidang hiburan.

Akhirnya, Pak Mahmud berkahwin bagi kali yang ketiga dengan Cik Jahara binti Lebai Saman yang juga seorang janda. Perkahwinan mereka diberkati Allah kekal sehingga dikurniakan dengan dua orang anak lelaki, iaitu Osman (57 tahun) dan Ramli (54 tahun). Sungguhpun Pak Mahmud mengalami perpisahan dengan dua orang isteri dan empat orang anak-anaknya, namun ia tidak menampakkan kekesalannya. Ini mungkin kerana jiwanya telah tertambat kuat terhadap seni yang memberinya peluang untuk dia berkecimpung dengan sepuas-puasnya. Dengan isterinya sekarang ia berasa secocok kerana meskipun Mak Jahara tidak melibatkan diri di dalam mana-mana bidang seni seperti suaminya, tetapi dia seorang isteri yang tahu menghargai seni. Dia melepaskan Pak Mahmud bebas bergiat dalam lapangan seni yang diminatinya. Menurut pengakuan Mak Jahara sendiri, dia gembira hidup bersama Pak Mahmud sebagai seorang seniman.

#### Rujukan :

1. Mustafa Mohd Isa,  
Awang Belanga, Penglipur Lara Dari Perlis  
Temubual : Ramli bin Mahmud